



TREK TEATER

Ridwan Abdul Rahman
mahamad@cc.com@netro.com.my

Memartabatkan lagu Sudirman

Teater muzikal Chow Kit Road! Chow Kit Road! mengangkat kejayaan penghibur negara

Sejak kecil lagi Saw Teong Hin sudah didendangkan dengan lagu-lagu nyanyian Allahyarham Datuk Sudirman Hj Arshad. Bakat besar yang dimiliki penghibur nombor satu negara itu sememangnya dikagumi pengarah berusia 41 tahun ini.

Tidak hairanlah, apabila dia menghasilkan filem Horee! Horee! pada Mei tahun lalu adalah sebagai penghormatannya kepada penghibur dihormati itu.

Kini, obses Teong Hin terhadap Sudirman diteruskan lagi apabila dia mementaskan pula teater muzikal Chow Kit Road! Chow Kit Road yang menampilkan Adibah Noor, Tony Eusoff, Anding, Nadia Aqilah, Shantini Venugopal dan Junji Delfino.

Teater yang akan dipentaskan di Istana Budaya (IB) bermula 10 hingga 26 Mei ini mengangkat lebih 20 buah lagu-lagu popular Sudirman antaranya Milik Siapakah Gadis Ini, Pesta Dunia, Basikal Tua, Pesta Dunia, Salam Terakhir yang disampaikan oleh barisan pelakon terbabit.

"Banyak kejayaan dan pencapaian Sudirman yang boleh dicontohi. Dia artis pertama yang berani buat kelainan dan pembaharuan dalam dunia seni kita. Namun banyak dalam kalendar



PELAKON dan tenaga produksi teater muzikal Chow Kit Road! Chow Kit Road!.

gan generasi kita kurang mengenalinya.

"Kita kena buat sesuatu kerana jika bukan kita yang buat, siapa lagi yang akan melakukannya. Saya juga beruntung kerana pengasas Masakini Theatre Company Datin Sabera Shaik tertarik un-

tuk mementaskan teater ini.

"Dia menonton Horee! Horee! dan berminat mengangkatnya dalam bentuk teater. Namun proses ini agak susah kerana filem ini diterbitkan oleh syarikat saya, Real Filem Sdn Bhd dan Astro

Shaw Sdn Bhd.

"Akhirnya kami ambil keputusan buat cerita baru dan mengangkat kehidupan masyarakat di Chow Kit, Kuala Lumpur selain Sudirman sendiri pernah mengadakan persembahan bersejarah di situ pada 1986,"



TEONG HIN

katanya.

Teong Hin berkata, skrip teater yang ditulisnya bersama Amry Ruhayut memaparkan Chow Kit yang memberi kehidupan kepada masyarakat kota selain terdapat pelbagai cerita tersembunyi yang boleh ditonjolkan.

"Chow Kit Road atau Jalan Chow Kit memang popular di negara kita. Sememangnya ia terkenal dengan sisi gelap tapi dalam penceritaannya, kami akan turut memasukkan unsur-unsur positif.

"Apapun Chow Kit Road adalah sebahagian daripada kita. Skripnya memang baru, manakala pemilihan lagu pula disesuaikan dengan jalan ceritanya. Saya yakin ia berupaya menghiburkan peminat yang datang menonton.

"Pementasan teater ini dibuat bagi tempoh yang agak lama kerana dari situ kami berharap akan dapat sedikit keuntungan. Sukar untuk dapat untung jika tempoh pementasan pendek tambahan pula kosnya tinggi," katanya yang mengangap peluang beraksi di IB seperti mimpi yang menjadi kenyataan.

Chow Kit Road! Chow Kit Road! mengisahkan sekumpulan golongan berada yang diketuai oleh Datin Jamilah (Adibah Noor) melakukan kerja amal di Chow Kit.

FOTO SHIRAZ ALI

Mereka berjumpa dengan Ilham (Anding), anak jalanan yang membesar di situ dan berbangga dengan corak kehidupannya.

Datin Jamilah dicabar supaya mengambil ilham dan mengubahnya menjadi seorang individu yang berbeza. Dari situ berlaku pelbagai peristiwa menarik sehingga Ilham jatuh cinta dengan anak Datin Jamilah, Maya (Nadia Aqilah).

Sementara itu, Adibah pula sememangnya sudah lama mengagumi Sabera yang berpengalaman luas dalam bidang teater. Dia teruja apabila ditawarkan berlakon teater ini.

"Apabila dipilih, bermakna dia nampak sesuatu pada saya. Sebaik dapat skrip, saya mendapati cerita ini sangat menarik. Sebenarnya Chow Kit ada banyak benda yang boleh dikongsi dengan penonton.

"Kebetulan ketika dapat skrip, saya baru saja melawat anak-anak di Chow Kit dan tahu bagaimana corak kehidupan mereka. Ia adalah sebuah tempat yang mempunyai kepelbagaian masyarakat dan kehidupan.

"Ia mengajar kita agar jangan menilai jika tidak pernah merasa kepelbagaian ini. Tidak cukup jika kita hanya sekadar memberi mereka duit atau makan tapi sebaliknya kita perlu masuk ke dunia mereka secara lebih mendalam.

"Teater ini sememangnya menarik kerana akan membuka mata masyarakat terhadap kehidupan di situ. Walaupun disampaikan dalam bentuk muzikal, elemen sedih tetap ada," katanya.

Susunan muzik untuk teater ini dilakukan Jamie Wilson, manakala tarian menggunakan tiga koreografer antaranya Pat Ibrahim.

Tiket untuk menonton persembahan yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan ini berharga RM170, RM100 dan RM50. Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari www.masakinitheatre.com.my.